



24 FEB, 2024

## 3,000 bakul Kombo MADANI, lebih 5,000 ekor ayam RM10 di Program MADANI Rakyat Zon Tengah

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

### 3,000 bakul Kombo MADANI, lebih 5,000 ekor ayam RM10 di Program MADANI Rakyat Zon Tengah

**KUALA SELANGOR:** Sebanyak 3,000 bakul Kombo MADANI dengan harga RM10 setiap satu menanti pengunjung yang hadir ke Program MADANI Rakyat Zon tengah hari semalam hingga 25 Februari di Kompleks Sukan Kuala Selangor.

Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Kontrak Pemasaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Muhammad Azreen Abdul Jalil berkata orang ramai berpeluang mendapatkan Kombo MADANI yang terdiri daripada dua jenis iaitu barangan keperluan asas dan barangan jenama Agromas.

“Bagi Kombo MADANI antara barangan seperti telur, minyak masak peket, bawang serta beberapa jenis sayuran dengan harga serendah RM10 manakala bakul barangan Agromas mengandungi bihun, kordial dan beberapa barangan lain dengan penjiatan sebanyak RM5.

“Walaupun pagi tadi pengunjung tidak ramai kerana hujan lebat, namun, setakat jam 12 tengah hari tadi kira-kira 300 bakul Kombo MADANI berjaya dijual dan kita juga ada menyediakan 5,000 kampil beras tempatan berharga RM26 sepanjang tiga hari ini,” katanya ketika ditemui Bernama di sini semalam.

Muhammad Azreen berkata pihaknya menyasarkan jualan kombo MADANI sebanyak 1,000 bakul dan pengunjung dijangka lebih ramai pada waktu petang.

“Orang ramai boleh mendapatkan harga istimewa tersebut di reruai Jualan Agro Mega MADANI yang dibuka bermula 9 pagi hingga 10 malam bagi Jumaat dan Sabtu manakala pada Ahad pada 9 pagi hingga 6 petang,” katanya.



**MERIAH:** Pengunjung tidak melepaskan peluang membeli barangan keperluan asas anjuran Jualan Agro MADANI yang disediakan di dalam bakul dengan harga RM10 ketika tinjauan foto Bernama di sekitar Program MADANI Rakyat Zon Tengah di Stadium Selangor, Kuala Selangor yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam sehingga Ahad. — Gambar Bernama

Sementara itu, di reruai Jualan Rahmah, pengunjung berpeluang mendapatkan 34 barangan makanan asas termasuk ayam, ikan, telur, minyak dan beras dengan harga istimewa iaitu sehingga 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor Mohd Zuhairi Mat Radey berkata hujan lebat pagi semalam tidak menghalang orang ramai untuk mengunjungi Kompleks Sukan Kuala Selangor bagi mendapatkan barangan tersebut.

“Pada program kali ini kami menyediakan 5,500 ekor ayam untuk dijual pada RM10 seekor, ikan beku RM6 sekilo, daging beku RM10 sekilo dan pelbagai lagi barangan lain.

“Dalam dua jam pertama sahaja sekitar 200 pengunjung hadir membeli barangan ini dan mereka yang belum mendapatkan harga istimewa

ini boleh hadir ke reruai Jualan Rahmah bermula 9.30 pagi hingga 10 malam atau sehingga sehingga stok barangan habis, sepanjang tiga hari program ini,” katanya.

Program anjuran Pejabat Perdana Menteri menerusi Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan kerajaan Selangor itu merangkumi Selangor, Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Majlis penutupan Program MADANI Rakyat Zon Tengah akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Ahad ini yang akan turut dihadiri kepimpinan tertinggi Persekutuan dan negeri.

Program MADANI Rakyat merupakan kesinambungan Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI yang diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil pada Disember tahun lepas. — Bernama



24 FEB, 2024

## 3,000 bakul Kombo MADANI, lebih 5,000 ekor ayam RMIODi Program MADANI Rakyat ZonTengah

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA SELANGOR: Sebanyak 3,000 bakul Kombo MADANI dengan harga RiWIO setiap satu menanti pengunjung yang hadir ke Program MADANI Rakyat Zon tengah hari semalam hingga 25 Februari di Kompleks Sukan Kuala Selangor. Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Kontrak Pemasaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Muhammad Azreen Abdul Jalil berkata orang ramai berpeluang mendapatkan Kombo MADANI yang terdiri daripada dua jenis iaitu barangan keperluan asas dan barangan jenama Agromas.